



TEKS UCAPAN
YAB DATUK SERI UTAMA HAJI SULAIMAN BIN MD ALI
KETUA MENTERI MELAKA
PADA
MAJLIS PERASMIAN PENUTUP DAN PENYAMPAIAN HADIAH
SEMPENA
MAJLIS TILAWAH DAN MENGHAFAZ AL-QURAN
PERINGKAT NEGERI MELAKA
TAHUN 1442H / 2021M
TARIKH: 3 APRIL 2021 (SABTU) , MASA: 9.00 MALAM
DI AUDITORIUM AL-AZIM NEGERI MELAKA

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا
مُحَمَّدٍ أَشْرَفِ الْمُرْسَلِينَ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Salam Sejahtera, Salam Melakaku Maju Jaya, Rakyat
Bahagia, Menggamit Dunia.

YANG DIKASIHI;

**TUAN YANG TERUTAMA TUN SERI SETIA (DR.) HAJI
MOHD ALI BIN MOHD RUSTAM,
YANG DI-PERTUA NEGERI MELAKA;**

YANG AMAT BERBAHAGIA;

**TOH PUAN DATUK WIRA (DR.) HAJAH ASMAH BINTI
ABD RAHMAN;**

1. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada Tuan Yang Terutama Tun dan Yang Amat Berbahagia Toh Puan di atas kesudian hadir pada Majlis Penutup dan Penyampaian Hadiah Sempena Majlis Tilawah dan Menghafaz Al-Quran Peringkat Negeri Melaka Tahun 1442 Hijriyyah bersamaan 2021 Masihi.
2. Sesungguhnya kehadiran Tuan Yang Terutama Tun dan Yang Amat Berbahagia Toh Puan pada malam ini, memberi perangsang, semangat dan keyakinan kepada kami semua untuk terus menyuburkan syiar Islam di bumi Melaka.

3. Tuan Yang Terutama Tun, izinkan saya untuk meneruskan ucapan kepada dif-dif jemputan serta para hadirin pada majlis yang berbahagia ini.

YANG BERTHORMAT DATUK SERI ABDUL RAUF BIN YUSOH,
SPEAKER DEWAN UNDANGAN NEGERI MELAKA;

YANG BERTHORMAT DATUK SERI DR. HASIM BIN HASSAN,
SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI MELAKA;

YANG BERHORMAT AHLI – AHLI MAJLIS MESYUARAT
KERAJAAN NEGERI MELAKA,

SAHIBUS SAMAAH DATUK WIRA HAJI ABDUL HALIM
BIN TAWIL,
MUFTI KERAJAAN NEGERI MELAKA;

YANG BERHORMAT AHLI – AHLI DEWAN UNDANGAN
NEGERI MELAKA;

YANG BERHORMAT AHLI – AHLI DEWAN NEGARA DAN
RAKYAT;

YANG BERHORMAT DATUK HJ MD RAWI BIN MAHMUD,
TIMBALAN PENERUS MAJLIS AGAMA ISLAM MELAKA
MERANGKAP PENERUS JAWATANKUASA INDUK
MAJLIS TILAWAH DAN MENGHAFAZ AL-QURAN
PERINGKAT NEGERI MELAKA;

YANG BERBAHAGIA DATUK MD. AZHAN BIN SAMAT,
PENGARAH JABATAN AGAMA ISLAM MELAKA;

YANG BERUSAHA TUAN HAJI MUHAMMAD IKRAM BIN
IBRAHIM,
SETIAUSAHA MAJLIS AGAMA ISLAM MELAKA,

DATUK – DATUK / DATIN – DATIN,

KETUA – KETUA JABATAN NEGERI DAN PERSEKUTUAN,

SETERUSNYA, RAKAN-RAKAN MEDIA, TUAN – TUAN
DAN PUAN – PUAN, PARA HADIRIN, MUSLIMIN DAN
MUSLIMAT YANG DIHORMATI SEKALIAN.

MUKADIMAH

4. Alhamdulillah, segala puji bagi Allah, Tuhan Semesta Alam. Selawat dan Salam ke atas junjungan mulia Nabi Muhammad SAW, ahli keluarga dan sahabat baginda. Semoga Allah SWT merahmati dan meletakkan mereka di syurga tertinggi atas usaha dan perjuangan mereka dalam memperjuang dan menyebarkan luas dakwah Islam.

5. Terlebih dahulu, marilah kita bersama-sama merafakkan kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan limpah perkenan-Nya, dapat kita

berhimpun di Auditorium Al-Azim pada malam yang penuh barakah ini untuk kita meraikan dan menghidupkan sunnah Nabi SAW pada Majlis Penutup & Penyampaian Hadiah sempena Majlis Tilawah dan Menghafaz Al-Quran Peringkat Negeri Melaka Tahun 1442H bersamaan 2021M.

6. Semoga penganjuran majlis pada malam ini diberkati oleh Allah SWT sekali gus memohon pada-Nya agar Allah membantu kita untuk memutuskan rantai COVID-19 serta dilindungi oleh wabak ini.

Muslimin dan muslimat yang saya kasihi,

7. Sebagaimana kita sedia maklum, penganjuran Majlis Tilawah dan Menghafaz Al-Quran ini dilaksanakan saban tahun di peringkat negeri dan persekutuan sebagai medan untuk meninggikan syiar Islam melalui pembudayaan Al-Quran.

8. Kerajaan Negeri sentiasa komited untuk membangunkan syiar Islam di Negeri Melaka. Program dan aktiviti berbentuk pembangunan rohani perlu diperkasakan dan diperluas kepada segenap lapisan masyarakat.

9. Suka saya berpesan, usaha murni ini bukan sekadar terletak di bahu agensi Agama Islam Negeri Melaka semata-mata, sebaliknya semua pihak harus berganding bahu dalam usaha memastikan syiar Islam akan terus berkembang di Negeri Melaka.

10. Program pembudayaan dan penghayatan Al-Quran boleh dilaksanakan di agensi-agensi kerajaan dalam usaha kita menghayati dan memahami ilmu dan pengajaran daripada kitab suci Al-Quran.

11. Al-Quran melalui ayat sucinya juga mengajak dan menyeru manusia untuk membaca kerana perbuatan membaca itu merupakan wasilah dalam menjadikan manusia berilmu dan memajukan tamadun manusia. Bahkan, dengan tingginya ilmu seseorang itu, akan meninggikan darjat dan memuliakannya daripada manusia lain.

Muslimin dan muslimat yang dirahmati Allah sekalian,

12. Saya menyeru kepada semua termasuk ibu bapa, guru-guru dan anak-anak, jadikanlah Al-Quran sebagai bacaan, amalan dan akhlak sekali gus akan menjadikan kita, umat Islam yang berjaya dan cemerlang dalam membina tamadun manusia di dalam redha Allah SWT.

13. Akhir kata, sekali lagi terima kasih dan tahniah diucapkan kepada Ahli Jawatankuasa Induk Majlis Tilawah dan Menghafaz Al-Quran Peringkat Negeri Melaka pada tahun ini, serta semua pihak yang terlibat sama ada secara langsung mahupun tidak langsung bagi menjayakan majlis ini.

14. Kepada semua peserta dan pemenang, saya merakamkan ucapan tahniah dan syabas kepada semua yang menyertai Majlis Tilawah dan Menghafaz Al-Quran pada hari ini dan peserta yang bakal mewakili Negeri Melaka ke peringkat kebangsaan nanti. Teruskan perjuangan dan jangan mudah putus asa. Ingatlah bahawa bersama-sama kesusahan itu ada kesenangan yang menanti. Saya doakan agar semua peserta akan memberikan persembahan yang terbaik semasa pertandingan kelak.

15. Mudah-mudahan Majlis Tilawah Dan Menghafaz Al-Quran yang diadakan secara tahunan ini, akan memberi ruang dan peluang kepada umat Islam untuk sama-sama bermuhasabah, seterusnya berusaha mengeratkan ikatan persaudaraan demi kebaikan umat Islam di negeri ini untuk menuju kecemerlangan duniawi dan ukhrawi.

Tuan Yang Terutama Tun, demikianlah ucapan saya kepada para hadirin sekalian;

16. Sekali lagi, saya dan seluruh ahli keluarga, barisan kepimpinan Kerajaan Negeri serta seluruh rakyat Melaka, mendoakan semoga Tuan Yang Terutama Tun dan Yang Amat Berbahagia Toh Puan serta ahli keluarga diberikan kesihatan yang baik, dipanjangkan usia, dimurahkan rezeki serta sentiasa di bawah perlindungan, rahmat dan kasih sayang Allah SWT, Insya-allah.

Sekian.

وَبِاللَّهِ التَّوْفِيقِ وَالْهُدَايَةِ وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

